

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

25. Sila senaraikan tangkapan yang melibatkan pengedaran dan pemprosesan dadah di Pulau Pinang berserta nilai dadah daripada tahun 2008 hingga 2020.
- (a) Mengapakah Pulau Pinang menjadi tempat pilihan untuk pemprosesan dan transit dadah yang agak besar?
 - (b) Apakah tindakan proaktif Kerajaan Negeri dalam membanteras isu dadah ini selain pihak Polis dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Tangkapan dan rampasan yang melibatkan pengedaran dan makmal memproses dadah di negeri ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontingen (IPK) Pulau Pinang telah menjalankan kajian saban tahun berkaitan perkara ini. Negeri ini sering dilabelkan sebagai hub dadah berdasarkan jumlah rampasan dadah yang banyak setiap tahun tetapi jumlah dadah yang dirampas itu diteliti dan didapati bukanlah untuk kegunaan domestik tetapi untuk dibawa ke luar negara. Akibat rampasan-rampasan dan langkah penguatkuasaan menyeluruh yang dijalankan pihak PDRM Pulau Pinang dari tahun-tahun lepas sehinggalah tahun ini telah menyebabkan sindiket mula beralih ke tempat lain dan meninggalkan negeri ini untuk tempat pilihan pemprosesan dan transit dadah.

- (b) Antara langkah proaktif yang diambil Kerajaan Negeri dalam membantu pihak PDRM dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam membentasi isu dadah ini adalah seperti berikut:
- (i) Mengadakan program pendidikan pencegahan bagi mengatasi penularan gejala itu dalam kalangan generasi muda. Strategi utama itu akan dilaksanakan secara bersepadu dengan melibatkan semua pihak, termasuk agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik, dalam menjelaskan ancaman dadah ke seluruh negara;
 - (ii) Membantu pihak sekolah-sekolah di negeri ini menubuhkan Kelab Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Remaja yang menumpukan pelajar sekolah menengah sebelum turun lagi ke peringkat sekolah rendah bagi memberikan kesedaran tentang bahaya penggunaan dadah secara berperingkat. Selain itu juga, Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) telah diwujudkan dengan tujuan memberi kesedaran kepada pelajar mengenai risiko penyalahgunaan dadah dan secara tidak langsung mendidik mereka untuk menjauhi najis dadah;
 - (iii) Mengadakan ujian saringan air kencing terhadap semua kakitangan Kerajaan Negeri demi memastikan kakitangan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri bebas daripada dadah serta mengamalkan budaya kerja yang sihat dan proaktif; dan
 - (iv) Merancang untuk memperkenalkan Pelan Strategik Memerangi Dadah Negeri berikutan ancaman dadah yang kian kronik ketika ini. Mengadakan kempen anti dadah dan menyiarkannya melalui media massa tempatan selain membantu pihak AADK dalam memperkemas jentera mereka bagi memantau bekas penagih agar mereka tidak kembali menagih dadah kembali. Kerajaan Negeri juga sering membantu pihak AADK dalam proses melaksanakan program banteras dadah di negeri ini termasuk memberikan peruntukan kewangan yang sewajarnya dalam menangani masalah ini.

LAMPIRAN A

BERIKUT MERUPAKAN TANGKAPAN DAN RAMPASAN MAKMAL DADAH DI KAWASAN PULAU PINANG.

TIMUR LAUT

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2008	1	0	SERBUK ECSTACY	3.850 KG	RM 385,000.00
	1	3	HEROIN	4.062 KG	RM 36,106.00
			SYABU	1.394 KG	RM 69,700.00
			PIL ECSTACY	1725 BIJI	RM 51,750.00
2009	1	1	SYABU	11.84 KG	RM 592,000.00
	1	2	SERBUK ECSTACY	1.4 KG	RM 134,000.00
			HEROIN	0.55 KG	RM 4,888.40
	1	2	HEROIN	0.3 KG	RM 2,667.00
			SERBUK ECSTACY	0.7 KG	RM 70,000.00
2010	1	0	HEROIN	28.262 KG	RM 251,215.00
	1	2	KETAMIN	0.46 KG	RM 23,000.00
			HEROIN BASE	0.335 KG	RM 21,535.00
			HEROIN	28.086 KG	RM 250,000.00
1	0	SYABU	7.072 KG	RM 353,600.00	
2017	1	1	SYABU	0.555 KG	RM 27,750.00
	1	4	METH OIL	47 LITER	RM 940,000.00
			SERBUK DADAH	1.797 KG	RM 62,000.00
	1	1	HEROIN	13.92 KG	RM 123,732.00
			SYABU	20 KG	RM 1,000,000.00
			SERBUK ECSTACY	35.3 KG	RM 3,530,000.00
	2	3	HEROIN	18.295 KG	RM 162,620.00
			SYABU	5.990 KG	RM 299,500.00
METH OIL			5.2 LITER	RM 104,000.00	
2018	1	2	HEROIN BASE	383 GRAM	RM 38,300.00
	1	5	HEROIN	4391 GRAM	RM 65,697.00
			HEROIN	18,860 GM	RM 167,642.00
	1	1	HEROIN	10,226 GM	RM 90,896.00
	1	2	HEROIN BASE	1126 GRAM	RM 72,385.00
			HEROIN	31,348 GRAM	RM 278,646.00
SYABU			3107 GRAM	RM 155,350.00	

BARAT DAYA

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2008	1	1	HEROIN	2168.40 GM	RM 19,275.00
			KETAMIN	6675.20 GM	RM 333,760.00
			CANABIS	549.20 GM	RM 5,490.00
2013	1	0	HEROIN	5194 GM	RM 46,168.00
2014	1	1	GANJA	131.48 KG	RM 236,664.00
	1	1	HEROIN	6.210 KG	RM 55,200.00

SEBERANG PERAI UTARA

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2017	1	1	SYABU	9 KG	RM 450,000.00
			METH OIL	76 KG	RM 1,520,000.00
2018	1	2	KETAMIN	8100 GRAM	RM 405,000.00
			ERIMIN 5	4000 BIJI	RM 60,000.00

SEBERANG PERAI TENGAH

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2008	1	1	SERBUK WARNA CREAM DISYAKI DADAH.	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
			CECAIR WARNA COKLAT DISYAKI DADAH	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
			HABLUR KRISTAL	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
			SERBUK WARNA CREAM DISYAKI DADAH	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
			CECAIR WARNA COKLAT	TIDAK DIPEROLEH	TIADA

			DISYAKI DADAH		
			CECAIR - METHYLATED SPIRIT	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
			SERBUK WARNA PUTIH DISYAKI DADAH	TIDAK DIPEROLEH	TIADA
	1	4	PIL WY	(16) BIJI	RM160.00
			PIL EXCTASY	(31) BIJI	RM930.00
			PIL ERAMIN 5	(38) BIJI	RM570.00
2011	1	1	SYABU	2.018 KG	RM 100,900.00
			CECAIR SYABU	30.325 LITER	RM 606,500.00
2012	1	1	SERBUK DADAH BERWARNA MERAH	TIDAK DIPEROLEHI	TIDAK DIPEROLEHI
	1	3	BAHAN MEMPROSES SYABU	TIDAK DIPEROLEHI	TIDAK DIPEROLEHI
2014	1	0	SYABU	3 PEKET	TIDAK DIPEROLEHI
			HEROIN	2 PEKET	TIDAK DIPEROLEHI
	1	3	PIL ERIMIN 5	16 BIJI	RM 240.00
			HEROIN	13.0 KG	RM 115,554.00
	1	1	SERBUK DISYAKI DADAH	TIDAK DIPEROLEHI	TIDAK DIPEROLEHI
			GANJA	1 KG	RM 1,800.00
			SERBUK ECSTACY	0.8 KG	RM 80,000.00
2015	1	3	HEROIN	(AB : 40.0 GRAM)	RM2,000.00
			SYABU	(AB : 287.0 GRAM)	RM43,050.00
			KETAMIN	(AB : 41.0 GRAM)	RM6,150.00
			SERBUK WY	(AB : 3760 GRAM)	RM 282,000.00
			SYABU	(AB : 1500 GRAM)	RM225,000.00
			HEROIN	(AB : 1000 GRAM)	RM50,000.00

			METH OIL	(AB : 1500 GRAM)	RM 30,000.00
			SYABU	(A/B : 5.0 KG)	RM750.00
			SYABU	(A/B : 32.20 KG)	RM4,830.00
			SYABU	(A/B : 15.1 KG)	RM2,265.00
	1	2	SYABU	(A/B : 151.4 KG)	RM22,710.00
			SYABU	(A/B : 120.10 KG)	RM18,015.00
			CECAIR DI SYAKI DADAH	323.8 KG.	RM 6,476,000.00
			GANJA	7 KG	RM 12,600
	1	1	GANJA	(54 BEKAS)	TIDAK DIPEROLEHI
			KETAMIN	658.9 gram	RM98,835.00
2016	1	2	SYABU	51.4 gram	RM7,710.00
			GANJA	314.4 gram	RM3,144.00
	1	2	HEROIN	9,878 GRAM	RM 87,804.00
2017	1	1	SERBUK ECSTACY	9265 GRAM	RM 926,500.00
	1	1	PIL ECSTACY	8470 BIJI	RM 254,100.00
			PIL ERIMIN 5	63,500 BIJI	RM 952,500.00
2018	1	2	SERBUK ERIMIN 5	678,355 GRAM	RM 33,917,750.00
			PIL ECSTACY	5,080 GRAM	RM 508,000.00
			SYABU	27,275 GRAM	RM 1,363,750.00
2019	1	2	HEROIN	1,365 GRAM	RM 12,133.00
2020	1	8	SYABU	4,980 GRAM	RM 249,000.00

SEBERANG PERAI SELATAN

TAHUN	JUMLAH KES	JUM. TANGKAPAN	JENIS DADAH	RAMPASAN	HARGA
2012	1	1	SYABU	6,337 GRAM	RM253,480.00
2015	1	2	PIL ECSTASY	2650 BIJI	RM79,500.00
2016	1	2	SYABU	250 GRAM	RM 10,000.00

			METH OIL	60 ML	RM 960.00
			PIL ECSTASY	36 BIJI	RM 1,080.00
2018	1	2	HEROIN	52,760 GRAM	RM 468,973.00
2019	1	1	SYABU	(18523 GRAM)	RM740,930.00
			PIL EKSTASI	(5430.8 GRAM)	RM543,080.00
	1	1	HEROIN BASE	(383 gram)	RM45,000.00
			HEROIN	(4793.6GRAM)	RM44,000.00
			DAUN KETUM	337300 GRAM	RM3,373,000.00
2020	1	7	GANJA	(125290 GRAM)	RM225,522.00
			SYABU	(48550 GRAM)	RM1,942,000.00
			KETAMIN	(7180 GRAM)	RM323,100.00